

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 21 MAC 2016

RUJUKAN : 8615

SOALAN:

Dato' Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pelaksanaan penempatan sementara 3,000 pelarian Syria di Malaysia yang mana Kerajaan telah menyatakan kesediaan untuk menerima pelarian Syria dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi membantu meringankan krisis pelarian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri semasa berucap di Sesi Ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat pada 1 Oktober 2015 telah mengumumkan bahawa Malaysia akan menerima 3,000 orang migran warganegara Syria atas dasar perikemanusiaan dalam tempoh tiga tahun.

Susulan itu, Kerajaan telahpun menubuhkan Pasukan Petugas Khas (PPK) yang berfungsi menetapkan parameter dasar dan mekanisme bagi pelaksanaan program ini. Ia juga bertindak sebagai *focal point* dalam mewujudkan keseragaman serta menetapkan garis panduan yang jelas mengenai peranan dan tindakan yang perlu diambil oleh kesemua agensi kementerian yang terlibat. PPK tersebut dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan iaitu Syria Care Malaysia, Muslim Care Malaysia, Pertubuhan Sinar Damsyik Malaysia, Yayasan Restu, Malaysia Lifeline for Syria, Palestinian Cultural Organization Malaysia (PCOM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), IMAM Response & Relief Team (IMARET) dan Humanitarian Care Malaysia (MyCare).

Kemasukan 3,000 migran Syria akan dilakukan secara berkelompok mengikut 3 fasa iaitu Fasa Pertama pada tahun

2016, Fasa Kedua pada tahun 2017 dan Fasa Ketiga pada tahun 2018. Selain itu, jumlah keseluruhan (kuota) 3,000 migran Syria yang bakal dibantu turut perlu mengambil kira tanggungan masing-masing.

Kemasukan migran Syria melalui Fasa Pertama memberikan fokus kepada calon yang mempunyai penaja iaitu ahli keluarga atau waris yang telah menetap secara sah di Malaysia serta dapat membuktikan kemampuan menyediakan tempat tinggal dan kemudahan asas yang berkaitan. Penetapan syarat melibatkan penaja ini adalah bagi memastikan kebajikan (*well being*) migran Syria akan terpelihara sepanjang keberadaan mereka di Malaysia.

Untuk makluman, kumpulan pertama bagi Fasa Pertama migran Syria yang terdiri dari 3 buah keluarga sebanyak 11 orang telah selamat tiba di Malaysia pada 8 Disember 2015 yang lalu. Ini selaras dengan komitmen Kerajaan dalam memberikan bantuan kemanusiaan kepada mereka yang berhadapan dengan konflik di Syria.